

Dalam Negeri

Perbicaraan ahli perniagaan didakwa tipu Pengarah NFCorp ditangguh 21 Mei

KUALA LUMPUR 4 April - Perbicaraan kes seorang ahli perniagaan yang didakwa menipu pengarah syarikat National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail membabitkan pemberian cek bernilai RM1.75 juta yang sepatutnya bermula hari ini ditangguhkan ke 21 Mei ini.

Penangguhan kes terhadap Datuk Shamsuharin Ismail, 45, bagi membolehkan pihak pendakwaan meneliti surat representasi yang dihantar oleh tertuduh itu pada pertengahan Mac lalu.

Menurut Pengarah Bahagian Perundungan dan Pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malay-

sia (SPRM), Datuk Abdul Razak Musa, pada tarikh tersebut, mahkamah akan dimaklumkan sama ada pihaknya berhasrat meneruskan perbicaraan kes itu atau menggugurkan pertuduhan.

Selain itu, penangguhan tersebut dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Rozilah Sal-

lelah selepas Abdul Razak memaklumkan pihaknya masih menunggu laporan kandungan khidmat pesanan ringkas (SMS) di antara Shamsuharin dengan beberapa pihak yang terlibat dalam kes itu.

Ujar Abdul Razak, pada awal Mac lalu, tertuduh telah menyerahkan telefon bimbitnya berserta satu salinan kandungan SMS kepada pihak SPRM.

Namun, selepas dihantar kepada pihak forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kandungan SMS tersebut tidak dapat dikstrak dan kini ia dise-

rahkan kepada CyberSecurity Malaysia bagi mendapatkan data dalam telefon bimbit terbabit.

"Sekiranya gagal, pihak pendakwaan akan mendapatkan bantuan daripada pembekal perkhidmatan iaitu

syarikat telekomunikasi," ujarnya.

Selepas menetapkan tarikh sebutan tersebut, mahkamah turut menetapkan 16 hingga 27 Julai ini untuk perbicaraan.

Pada prosiding hari ini, Shamsuharin diwakili barisan empat peguam bela diketuai oleh Datuk Sal-lehuddin Saidin.

Dalam kes tersebut, Shamsuharin yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat Shamsuharin Ismail Resources Sdn. Bhd. didakwa menipu Mohamad Salleh dengan menjanjikan kepada mangsa khidmat rundingan dan nasihat.

Ia bertujuan memperdaya suami kepada Menteri Pembangunan Wa-

nita, Keluarga dan Masyarakat, Da-tuk Seri Shahrizat Abdul Jalil itu sehingga mendorong mangsa ber-setuju membayar wang perkhidmatan tersebut.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah restoran di Bukit Tunku di sini pada pukul 6 petang, 20 November lalu.

Bagi tuduhan kedua, Shamsuharin didakwa memperdaya Mo-hamad Salleh sehingga mendorong mangsa menyerahkan cek berjumlah RM1.755 juta kepada tertuduh di kawasan Solaris Mont Kiara antara 25 November dan 6 Disember tahun lalu.

Kedua-dua pertuduhan tersebut

dikemukakan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang mem-peruntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Abdul Razak ketika ditemui selepas tamat prosiding menjelaskan, walaupun pihaknya telah dibekalkan dengan satu salinan kandungan SMS oleh ba-riisan pembelaan, pihaknya perlu membuat pengesahan mengenai perkara tersebut.

Laporan kandungan SMS itu juga diperlukan sebelum pihaknya dapat memutuskan sama ada akan me-neruskan, meminda atau menggu-gurkan kes tersebut.



SHAMSUHARIN